

30hb November 2018

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi FGVP (M) Sdn Bhd - Kilang Kelapa Sawit Kulai dan ladang sawit - Kulai, Johor, Malaysia**

FGVP (M) Sdn Bhd telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Kulai dan ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Kulai	
Nama Kilang Sawit	Kilang Kelapa Sawit Kulai
Kapasiti Kilang Sawit (mt/jam)	60mt/jam
Alamat	Felda Taib Andak, 81000 Kulai, Johor, Malaysia
Rujukan GPS (Kilang Sawit)	1° 44' 21" N; 103° 38' 50" E

Unit Pengurusan Ladang			
Nama Unit Pengurusan Ladang		Kulai	
Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Luas Ladang (ha)
FASSB Bukit Besar	Stesen Penyelidikan Bukit Besar, 81450 Kulai, Johor, Malaysia	1° 44' 52" N; 103° 38' 50" E	55.26
<b>Jumlah Luas Ladang</b>			55.26

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Kulai dan ladangnya pada 14 - 15/01/2019. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-3:2013 – *General principles for oil palm plantations and organized smallholders* & MS 2530-4:2013 – *General principles for palm oil mills*.

Salinan standard boleh didapati secara atas talian di <http://www.msonline.gov.my/catalog.php>. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Kulai dan ladangnya terdiri daripada:

**En. Hafriazhar Mohd Mokhtar** sebagai Ketua Juruaudit (Sosial & Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Alam Sekitar, Aspek Keselamatan & Kesihatan Pekerja, HCV, Aspek Undang-undang, Biodiversiti & Sosial) dan **En. Muhammad Fadzli Masran** sebagai Juruaudit (Aspek Alam Sekitar, Aspek Keselamatan & Kesihatan Pekerja, HCV & Aspek Undang-undang).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengurus Skim seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Atapun, pendapat dan pandangan anda boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Email: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Operasi**

En. Nicholas Cheong  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Unit 10-03, Level 10, Tower A  
The Vertical Business Suites  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur Malaysia  
Fax : +603-2242 4218  
Email : [Nicholas.Cheong@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheong@bsigroup.com)

**DAN/ATAU**

**Auditee:**

Mr. Norazam Abdul Hameed  
Senior General Manager  
Felda Global Ventures Plantation (M) Sdn Bhd  
Level 20 West, Wisma FGV  
Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur Malaysia  
Fax : +603-2789 0497  
Email : [Norazam.ah@feldaglobal.com](mailto:Norazam.ah@feldaglobal.com)

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Nicholas Cheong  
Pengurus Skim

